

## RMKe-12 fokus hapus rasuah, perdagangan haram

**Kuala Lumpur:** Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) melalui Belanjawan 2022 perlu menggariskan langkah inovatif dan kerangka menyeluruh bagi membanteras rasuah, pendorong kepada aktiviti perdagangan haram dan ketirisan lain dalam ekonomi Malaysia.

Presiden Persatuan Pemeriksa Penipuan Bertauliah (ACFE) Malaysia, Datuk Seri Akhbar Satar, berkata ketirisan daripada ekonomi haram, terutama membatikan aktiviti perdagangan rokok seludup mengakibatkan kerajaan kehilangan lebih RM5 bilion dari segi cukai tidak dikutip setiap tahun.

Bekas Presiden Transparency International Malaysia itu berkata, jika langkah untuk membanteras rasuah dan ketirisan tidak diambil kira maka aktiviti perdagangan haram berkenaan secara berterusan akan merosakkan ekonomi negara dan memberi impak negatif kepada rakyat.

“Malah, ketua penyeludup rokok dan kartel yang dipercayai dikenali oleh agensi penguatkuasaan masih tidak ditangkap dan didakwa sebaliknya mereka semakin berani dan licik mengaburi mata pihak berkuasa.

“Keadaan ini disemarakkan oleh rasuah dan jika tidak dibuat apa-apa, aspirasi dan matlamat yang ditetapkan di dalam RMKe-12 tidak akan tercapai,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Akhbar Satar yang juga Pemegang Kerusi Profesor di Institut Jenayah dan Kriminologi, Universiti HELP berkata, rasuah merosakkan pembangunan sosial, kestabilan politik, kemampanan ekonomi dan ia menakutkan pelabur berkualiti untuk melabur di Malaysia dan mengurangkan produktiviti yang membawa kepada penurunan pertumbuhan ekonomi.

“Belanjawan 2020 tertumpu kepada penambahbaikan kerangka kerja tadbir urus dan mencadangkan supaya mengguna pakai dasar yang terbukti berjaya daripada Belanjawan 2021 bagi mengekang semua perdagangan haram termasuk menangkap ketua penyeludup rokok dan kartel menerusi penggunaan undang-undang sedia ada seperti Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA), Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA), Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram (AMLA) 2001,” katanya.